16
SEP

# GRUP PENANG OPERA PP SENI RAIH ANUGERAH NAIB JOHAN PERTANDINGAN PENGISAHAN KENEGARAAN PERINGKAT KEBANGSAAN 2015

PULAU PINANG, 15 September 2015 – Grup Penang Opera melalui Pusat Pengajian Seni Universiti Sains Malaysia (USM) mengharumkan nama USM di peringkat kebangsaan apabila meraih anugerah naib johan dalam pertandingan pengisahan kenegaraan peringkat kebangsaan 2015.

Grup Penang Opera mempertaruhkan pengisahan yang bertajuk "Rentap Pahlawan Sarawak: Sejarah Yang Berlagu" pada pertandingan kali ini.

Ahmad Bin Hashim (Senibayan) yang merupakan karyawan pengisahan ini dalam nota mengulas kejayaan ini mencatatkan: pertandingan adalah pintu segala kemungkinan, kejayaan adalah takdir paling sempurna mengimbas tulus dan tuntas di pentas, tahniah dan terima kasih kepada semua yang terlibat dan mendoakan kejayaan ini.

Pertandingan ini berlangsung pada 12 September lalu di Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah (KUISAS), Kuala Kangsar, Perak.

Teks: Hafiz Meah Ghouse Meah

G+

Share This

**Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre**
Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia
Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : pro@usm.my (mailto:pro@usm.my)
Laman Web Rasmi / Official Website : Universiti Sains Malaysia (http://www.usm.my)
Client Feedback / Comments (http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015